

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
(KUANTAN)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 23.05.2016**

**Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [ KUANTAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil kaji selidik Tahap Kefahaman GST di kalangan pengguna di dalam negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan kaji selidik berhubung kefahaman GST di peringkat awal sebelum pelaksanaannya iaitu sebaik sahaja tarikh pengumuman untuk melaksanakan GST. Seterusnya, kaji selidik yang serupa juga telah dibuat di peringkat fasa permulaan pelaksanaan GST. Kaji selidik tersebut menunjukkan terdapat peningkatan dari

segi pemahaman dan penerimaan GST yang disumbangkan oleh program publisiti dan kesedaran yang dijalankan secara inklusif oleh Kerajaan. Dalam hubungan ini, aspek meningkatkan kesedaran dapat dilaksanakan dengan mudah dan licin kerana pengguna sebelum ini sudah terdedah dengan cukai jualan dan cukai perkhidmatan.

Kerajaan juga mengambil pendekatan proaktif di dalam melaksanakan usaha yang berterusan untuk memberi kefahaman yang tepat mengenai pelaksanaan GST kepada golongan peniaga melalui pelbagai program kesedaran dan latihan serta platform perbincangan isu GST. Antara program penerangan dan latihan yang sedang dan akan dijalankan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah program *Hand Holding* kepada syarikat yang telah mendaftar GST mengikut sektor/ industri untuk memberikan penjelasan secara lebih mendalam khususnya mengenai isu berbangkit bagi sektor/ industri tertentu. Sehingga 6 April 2016, sebanyak 1,090 program *Hand Holding* telah diadakan dengan penyertaan lebih daripada 120,000 orang dari pelbagai sektor perniagaan.

Selain itu, dalam memastikan semua pihak mendapat kefahaman yang tepat mengenai GST, Kerajaan telah melaksanakan

aktiviti komunikasi strategik dengan menggunakan pelbagai saluran media massa, komunikasi secara bersemuka dan media digital/online/sosial sebagai aktiviti pemakluman kepada semua golongan mengikut kesesuaian masing-masing.

Penjelasan dan kempen GST juga dilaksanakan melalui program wawancara, bual bicara, iklan, pengumuman, rerayap (*crawler*), kapsul dan sebagainya di pelbagai saluran stesen televisyen dan radio kerajaan dan swasta. Bahan-bahan sokongan seperti buku panduan GST (pengguna dan perniagaan), risalah dan roadshow pameran juga dilaksanakan untuk memberi penjelasan dan penerangan mengenai GST. Di samping itu, program turun padang bertemu rakyat melalui ceramah umum juga dilaksanakan melibatkan agensi seperti Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Jabatan Penerangan dan Biro Tata Negara.

Hasil daripada kempen komunikasi yang berkesan, rata-rata rakyat sudah mula menerima GST berbanding semasa di peringkat awal pelaksanaan GST di mana aduan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi tempoh 9 bulan iaitu mulai 1 April 2015 sehingga 31 Disember 2015, adalah berjumlah 6,823. Walau bagaimanapun, jumlah aduan semakin berkurangan di mana bagi

tempoh 4 bulan pertama tahun 2016 iaitu mulai 1 Januari sehingga 31 April 2016, JKDM hanya menerima sebanyak 409 aduan sahaja. Penurunan ini adalah kerana pemahaman pengguna dan peniaga telah meningkat dan Kerajaan menjangkakan bahawa *trend* ini akan berterusan apabila peniaga dan orang ramai lebih memahami pelaksanaan GST.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada pemantauan rapi sejak pelaksanaan GST, adalah diperhatikan isu yang dibangkitkan mengenai GST pada masa ini terutamanya melalui media sosial lebih bersifat neutral di mana rakyat serta sektor perniagaan telah dapat menerima pelaksanaan GST dengan baik. Oleh itu, Kerajaan akan terus berusaha bagi meningkatkan lagi tahap pemahaman dan kesedaran GST di kalangan peniaga dan juga orang awam sebagai golongan pengguna. Antara langkah untuk meningkatkan kefahaman dan peranan pengguna adalah menganjurkan program Jom Minta Resit GST yang sedang berlangsung dari bulan April 2016 hingga November 2016 dimana melalui program ini dapat memberi kesedaran kepada pengguna tentang kepentingan untuk meminta dan menyimpan invois bercukai GST. Langkah pengautkuasaan yang melibatkan peniaga dan peranan pengguna secara langsung akan dapat meningkatkan tahap pematuhan orang berdaftar GST terhadap kewajipan untuk

mengeluarkan invois selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 33, 34 dan 36 Akta GST 2014 serta memastikan auditan dapat dilakukan oleh pegawai JKDM ke atas syarikat bagi memastikan cukai dapat dipungut pada jumlah dan masa yang tepat, telus dan berkesan.